



**HISHAMMUDDIN HUSSEIN** bersalaman dengan orang ramai setibanya di Masjid Sultan Ibrahim bagi menghadiri Majlis Hol Allahyarham Tun Hussein Onn di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

## ADMM bincang ancaman IS

**BATU PAHAT 22 Mei** - Semua negara ASEAN perlu bekerjasama rapat bagi menangani gerakan kumpulan militan Negara Islam (IS) yang semakin menular di ranau ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, semua negara perlu memandang serius ancaman IS memandangkan tiada negara terkecuali daripada masalah berkenaan.

Beliau berkata, bagi mencari

langkah pencegahan lebih berkesan menanganinya, isu tersebut akan dibincangkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan (ADMM) Ke-10 di Laos pada Selasa hingga Jumaat ini.

"Saya akan ke Laos untuk menghadiri ADMM dan yakin isu IS bakal dibincangkan dalam konteks serantau. Kalau dahulu, ancaman keganasan militan merupakan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN), tetapi sekarang sudah berubah kepada

isu pertahanan.

"Jika dilihat di negara-negara Asia Barat, tentera pun terlibat dan ini merupakan satu perkara baharu yang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mesti ambil maklum dan perlu bekerja rapat dengan negara jiran," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Hol Allahyarham Tun Hussein Onn di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dekat sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai penahanan 14 individu rakyat tempatan termasuk seorang wanita disyaki mempunyai kaitan dengan IS dalam operasi pada Selasa lalu hingga semalam.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Tan Sri Mohamad Aziz dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Hishammuddin yang juga Naib Presiden UMNO berkata, pihaknya sejak dahulu sudah menyatakan bahawa ancaman IS merupakan perkara yang tidak boleh diambil mudah oleh semua pihak dan penahanan terbaru itu adalah tindakan proaktif dan pencegahan berdasarkan maklumat risikan yang diterima.